



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Pembekal adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK
S006/2026	SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN TONER MESIN PENCETAK UNTUK KEGUNAAN DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) IBU PEJABAT

JENIS TAWARAN : Terbuka

KOD BIDANG : 020601

020601 : *Alat Tulis*

TARIKH MULA TAWARAN : 10/04/2026 (Jumaat)

TARIKH TUTUP TAWARAN : 20/04/2026 (Isnin)

TEMPOH SAH LAKU : 90 hari

LOKALITI LOKASI (NEGERI) : Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya

HARGA DOKUMEN (SOFT COPY) : RM10.00 (Melalui Sistem Tenderwizard)

2. Hanya penyebut harga yang telah berdaftar **SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)** dengan pihak SKM sahaja yang layak menyertai Sebut Harga ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan pihak SKM boleh dilakukan secara atas talian (*online*) www.tenderwizard.my/SKM (klik pada ruangan '*Pendaftaran*' untuk pendaftaran baru).
3. Semua penyebut harga akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak **RM200.00** yang perlu dibayar kepada pihak pembekal sistem. Akaun akses ini hanya akan diaktifkan selepas penyebut harga melengkapkan permohonan secara *online* dan menjelaskan Yuran Pendaftaran. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX (*online banking*) secara *online*. Yuran Pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun berikutnya.
4. Dokumen Sebut Harga ini akan mula tersedia untuk dimuat turun **MULAI 10 APRIL 2026 (JUMAAT)** secara atas talian melalui laman sesawang www.tenderwizard.my/SKM.

Manakala tarikh tutup Sebut Harga ini adalah pada **20 APRIL 2026 (ISNIN)**, jam **12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5. Semua dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan **WAJIB** dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem secara atas talian melalui laman sesawang www.tenderwizard.my/SKM.
6. Penghantaran dokumen sebut harga **DISYORKAN** dibuat **SEHARI** lebih awal daripada tarikh tutup yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan teknikal pada saat akhir.
7. Pastikan butang '**Submit the tender form**' ditekan untuk melengkapkan penghantaran dokumen sebut harga. Penghantaran hanya dikira sah setelah butang tersebut ditekan, bukannya sekadar memuat naik fail ke dalam sistem.
8. Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini boleh dirujuk ke alamat berikut :

Unit Perolehan
Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Aras 10, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, 50490 Kuala Lumpur
Encik Muhammad Hafiz bin Ahmad – 03 20834000 Ext 4462 / hafizahmad@skm.gov.my
Puan Nor Fadlin Binti Ahmad– 03 20834000 Ext: 4566 / norfadlin@skm.gov.my

9. Sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan sistem perolehan atas talian SKM boleh dirujuk kepada:

Tender Pintar Sdn. Bhd.
Unit A-5, Block A, Level 5,
Sunway PJ51A, Jalan SS9a/19Seri Setia
47300 Selangor, Malaysia
Untuk sebarang pertanyaan | Any enquiries:
☎ : 03 79627870/ 7947 / 7957 / 7819 / 7866 / 7831
✉ : support@tenderpintar.com

10. Penyebut harga hendaklah mengambil maklum berkenaan **fi perkhidmatan** sebanyak **0.8%** bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem TenderWizard SKM yang **dikenakan oleh pihak Tender Pintar Sdn. Bhd.** kepada penyebut harga yang berjaya, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta. **8% cukai perkhidmatan** dari fi perkhidmatan tenderwizard juga akan dikenakan.